

# Tiga Bahagian masih ditunggu, pengumuman 14 Jun ini 182 dicalonkan merebut 27 jawatan MT

**KUALA LUMPUR, Inis —** Seramai 182 orang dicalonkan oleh 111 Bahagian UMNO sehingga pencalonan ditutup semalam untuk bertanding merebut 27 jawatan tertinggi parti itu, di perhimpunan agunginya pada 26 Jun ini.

Ibu pejabat UMNO Malaysia sehingga lewat petang semalam belum menerima kertas-kertas pencalonan dari tiga lagi bahagian dari Kelantan, Trengganu dan Perak.

Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Datuk Haji Mustafa Jabar memberitahu hari ini, tiga tokoh dicalonkan untuk jawatan presiden — seorang telah memberi jawapan menerima pencalonan, seorang menolak dan seorang belum memberi jawapan.

Dalam mengumumkan pencalonan ini, Datuk Mustafa gaggan menyebut nama tokoh-tokoh berkenaan yang menurutnya akan diumumkan pada 14 Jun nanti.

Tiga tokoh yang disebut-sebut dicalonkan jawatan presiden ialah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Harun Idris dan bekas Ketua Pengerangan UMNO Malaysia, Haji Suleiman Palesti.

Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn tidak akan bertanding mengekalkan jawatan Presiden UMNO itu, walaupun dicalonkan.

Empat tokoh dicalonkan bagi jawatan timbalan presiden — seorang telah memberi jawapan bersetuju bertanding dan tiga lagi

Oleh NORDIN MOHAMAD

belum.

Tokoh-tokoh berkenaan difahamkan terdiri dari Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamsah, Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam dan Datuk Haji Harun Idris.

Seramai 15 orang dicalonkan merebut jawatan naib presiden — enam orang telah memberi jawapan bersetuju menerima pencalonan, seorang menolak dan lapan belum memberi jawapan.

Encik Ghafar Baba, Datuk Senu Abdul Rahman dan Tengku Ahmad Rithauddeen adalah di antara enam tokoh yang dikatakan telah memberi jawapan menerima pencalonan naib presiden itu.

## Televisyen

Antara mereka yang dicalonkan bagi jawatan itu Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim, Bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Harun Idris, Menteri Dalam Negeri, Tan Seri Ghazali Shafie dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Byed Nahar Shahabuddin serta Menteri Pertanian, Datuk Haji Manan Othman.

Dua tokoh yang popular iaitu Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamsah dan Menteri Pelajaran Datuk Musa Hitam turut dicalonkan bagi jawatan naib presiden — masing-masing telah membayangkan untuk bertanding satu jawatan sahaja.

Kepada satu pertanyaan, Datuk

Haji Mustafa berkata, "di antara 15 tokoh itu, sedikit-sikit sahaja muka baru yang pertama kali dicalonkan merebut kerusi naib presiden."

Seramai 123 orang dicalonkan merebut 20 kerusi Majlis Tertinggi (MT) — 54 orang daripadanya telah memberi jawapan bersetuju menerima pencalonan, 10 menolak dan 59 lagi belum memberi sebarang jawapan.

Menurut Datuk Haji Mustafa, Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz dan Exco Kerajaan Selangor, Datin Paduka Zaleha Ismail adalah di antara tokoh yang menerima pencalonan MT itu.

Mengenai pengundian, beliau memberitahu, kawalan ketat akan diadakan di Dewan Nirwana, Hotel Hilton semasa pengundian dijalankan bagi menjamin kelicinan perjalanan pengundian.

Katanya, pemerhati tidak akan dibenarkan berada di dalam dewan itu semasa pengundian dijalankan kecuali ahli-ahli MT, perwakilan dan pegawai yang menjalankan tugas mengelolakan pemilihan.

Pemerhati ditempatkan di bahagian luar dewan yang disediakan dengan beberapa buah peti televisyen.

Datuk Haji Mustafa Jabar berkata, pengiraan undi dijangka selesai pada jam 8 malam dan peti-peti undi akan dikawal rapi oleh ahli Jawatankuasa Pemilihan Pengundian.

Beliau menyeru perwakilan tidak menaruh perasaan bimbang atau takut semasa membuat pilihan, kerana undi mereka sukit.